

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI UPACARA PERASMIAN PAMERAN  
'WANITA TERAS PEMBANGUNAN NEGARA'  
ANJURAN PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA  
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI ISNIN, 3HB. MAC, 1986  
PUKUL 9.00 PAGI

---

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berusaha Pengerusi Majlis;

Isteri-Isteri Duta dan Pesuruhjaya Luar  
Negeri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di Majlis yang penuh bermakna ini.

2. Saya difahamkan pameran yang dianjurkan oleh Pergerakan Wanita UMNO Malaysia ini adalah sempena Perhimpunan Wanita '86 yang akan dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri esok. Tema yang telah dipilih untuk Perhimpunan dan Pameran yang akan sama-sama kita saksikan sebentar nanti ialah 'Wanita Teras Pembangunan Negara'.

3. Pada pendapat saya tema ini amat sesuai kerana ia merangkumi semua aspek yang dapat menggambarkan atau dapat menjelaskan peranan yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat dan negaranya. Ada di antara kita yang mungkin berpendapat bahawa tema 'Wanita Teras Pembangunan Negara', adalah satu tema yang telah lama ditonjolkan. Namun begitu saya berpendapat masih ramai lagi di antara kita yang masih mempersoalkan tentang peranan wanita sebagai teras pembangunan negara, mungkin ada di antara kita yang masih belum begitu faham tentang peranan yang dilakukan oleh wanita dalam pembangunan negara dan yang lebih menyedihkan lagi ialah masih terdapat segolongan masyarakat kita yang masih memperkecil-kecilkan tentang penglibatan wanita dalam pembangunan. Malahan masih ada juga yang berpendapat wanita tidak perlu melibatkan diri dalam pembangunan negara, apatah lagi menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan negara. Semenjak kebelakangan ini sudah ada pula usaha-usaha untuk menghalang atau membantutkan pembangunan kaum wanita.

4. Oleh kerana itulah inisiatif yang diambil oleh Pergerakan Wanita UMNO Malaysia ini patut dipuji dan dihargai kerana dengan usaha mengadakan pameran yang bertemakan 'Wanita Teras Pembangunan Negara' ini kita akan terus diperingatkan tentang pentingnya peranan yang dapat dilakukan oleh wanita demi memastikan kejayaan pembangunan negara ini. Dengan tercapainya cita-cita pembangunan negara sahajalah dapat dijamin keteguhan dan ketahanan negara kita lebih-lebih lagi dalam keadaan semasa yang begitu mencabar di abad ini dan yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Seperkara lagi yang menarik mengenai Pameran ini ialah, mungkin inilah pertama kalinya kita akan berpeluang melihat aspek-aspek yang ada kaitannya dengan Wanita dan pembangunan

dipersembahkan melalui satu pameran. yang agak besar dan luas bidangnya seperti Pameran ini.

6. Apa yang amat membanggakan saya ialah kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai pihak bagi menjayakannya. Saya difahamkan walaupun Pameran ini dianjurkan oleh Pergerakan Wanita UMNO namun cara pameran ini disusun, usaha-usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak yang terlibat, sokongan dan sumbangan serta kerjasama yang diberikan adalah melibatkan kumpulan-kumpulan dan orang-orang perseorangan yang bukan hanya terdiri daripada wanita-wanita UMNO sahaja tetapi merangkumi semua wanita di negara ini. Oleh kerana ini gambaran dan kesan yang mungkin kita dapati dan rasai daripada Pameran ini dan daripada berbagai acara sampingan yang diadakan, akan benar-benar merupakan suatu yang menyeluruh dan bukan ditekankan kepada satu kumpulan wanita di Malaysia ini sahaja. Usaha melibatkan semua kumpulan wanita ini amat sesuai demi mengurangkan berlakunya polarisasi di kalangan masyarakat kita. Wajarlah bagi Wanita UMNO Malaysia, sebagai pertubuhan wanita yang terbesar di negara ini untuk menerokai, mempelopori, dan juga menjadi daya penggerak utama dalam usaha menyatu-padukan wanita dan membuktikan kebenaran tema Pameran ini.

7. Pameran ini adalah untuk faedah semua golongan wanita di negara ini, maka usaha-usaha mengadakan Pameran ini, pengendaliannya dan corak persembahan yang dipilih seharusnya terlepas daripada ikatan-ikatan politik dan harus kita anggap untuk memenuhi aspirasi bersama bagi keseluruhan wanita di negara ini.

8. Mengikut apa yang diterangkan, saya dapati penganjurnya telah sedaya upaya cuba merangkumi semua aspek ataupun sekurang-kurangnya semua aspek yang penting yang ada kaitannya dengan peranan yang telah, sedang dan boleh dilakukan oleh wanita dalam konteks pembangunan negara.

Misalnya pameran bergambar akan memberikan gambaran tentang penglibatan wanita dalam pembangunan negara mengenai peristiwa-peristiwa dan bukti daripada segi sejarah hingga membawa kepada masa kini. Bagi generasi tua gambaran ini mungkin akan menimbulkan perasaan mengenang kembali pahit-manis dalam perjuangan mereka, sementara bagi generasi muda pula adalah diharapkan supaya gambaran ini dapat memberi maklumat dan penerangan serta kefahaman tentang usaha yang telah diambil oleh wanita kita dalam membangunkan negara yang maju dan berjaya yang mereka warisi pada hari ini. Mudah-mudahan generasi muda kita akan sedar tentang tanggungjawab mereka dan justeru itu dapat memberikan perangsang untuk meneruskan perjuangan dan memberi sumbangan mereka pula supaya hasil daripada usaha pembangunan negara ini tetap terjamin.

9. Bagi satu aspek yang lain pula, iaitu bahagian pameran 'life exhibit', kita akan sama-sama melihat peranan dan sumbangan yang boleh diberikan oleh wanita dalam berbagai bidang seperti pertanian, perindustrian, perdagangan dan berbagai bidang lagi yang selama ini dianggap oleh masyarakat sebagai hak orang-orang lelaki sahaja. Saya mengharapkan Pameran ini juga akan menimbulkan kesedaran kepada kita semua bahawa wanita dapat dijadikan sumber tenaga yang penting dalam apa juga usaha pembangunan negara ini; bahawa wanita tidak semestinya terlibat pada peringkat-peringkat paling rendah semata-mata tetapi mempunyai keupayaan dan kebolehan juga untuk dilibatkan pada peringkat yang lebih tinggi dan bermakna, asalkan peluang dan galakan diberikan kepada mereka.

10. Satu aspek yang saya harap dapat kita perolehi bersama daripada Pameran ini ialah supaya usaha-usaha yang telah diambil oleh wanita dalam pembangunan negara ini hendaknya terus memajukan wanita dan bukan mengundurkan mereka ke belakang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Selain daripada itu pihak penganjur telah berusaha melibatkan agensi-agensi dan badan-badan tertentu yang memberikan atau menyediakan khidmat-khidmat yang sememangnya boleh digunakan oleh wanita bagi memudahkan usaha melibatkan diri mereka dalam berbagai bidang yang ada. Khidmat-khidmat ini mungkin merupakan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan, tunjuk ajar dan khidmat nasihat, cara-cara membuat atau memproses sesuatu dan sebagainya yang kesemuanya dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan wanita dan keluarga. Kita semua mungkin pernah terbaca atau mendengar tentang khidmat-khidmat ini disediakan tetapi mungkin belum berkesempatan untuk mengetahuinya dengan lebih jelas dan mendalam. Oleh itu saya menyeru supaya setiap wanita khususnya, dan masyarakat amnya yang berpeluang menyaksikan pameran ini supaya mengambil kesempatan ini untuk mengenali dan memahami khidmat dan bantuan yang boleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian perolehi demi untuk menjalankan usaha-usaha yang boleh meningkatkan penglibatan wanita dan keluarga mereka dalam pembangunan negara.

12. Yang menarik hati saya mengenai Pameran ini ialah cara persembahan yang bercorak pendidikan melalui audio-visual iaitu penayangan filem-filem rencana mengenai wanita, yang akan ditayangkan secara terus menerus sepanjang pameran ini diadakan. Usaha ini amat baik sekali kerana daripada dokumentasi-dokumentasi seperti inilah kita dapat menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu. Namun begitu saya berpendapat usaha-usaha mengabadikan sumbangan wanita dalam pembangunan negara melalui filem-filem, video-video dan dokumentasi seperti ini masih jauh tertinggal dan masih belum diterokai dengan sepenuhnya dan bersungguh-sungguh.

13. Oleh itu saya ingin menyarankan agar lebih banyak usaha diambil ke arah menambah pengeluaran filem-filem mengenai

wanita dan pembangunan supaya masyarakat sentiasa diberikan maklumat dan penerangan mengenai kegiatan wanita. Media massa perlu mempertingkatkan usaha ke arah memperbanyakkan tayangan dan siaran rencana-rencana mengenai wanita yang bukan sahaja ditumpukan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan urusan rumahtangga tetapi juga meliputi aspek-aspek penglibatan wanita dalam bidang-bidang di luar lingkungan rumahtangga mereka. Dengan cara ini saya percaya masyarakat akan sentiasa diperingatkan dan sentiasa menyedari potensi-potensi yang ada pada wanita bagi tujuan-tujuan pembangunan negara.

14. Dengan terkumpulnya dokumentasi-dokumentasi mengenai kegiatan wanita ini akan dapat dijadikan sebagai satu khazanah yang berharga untuk dijadikan rujukan oleh generasi akan datang. Daripadanya mungkin dipelajari kelemahan juga kekuatan dalam usaha-usaha melibatkan wanita dalam pembangunan negara dan dengan itu langkah-langkah serta perancangan yang lebih positif dan lebih berkesan mungkin dapat dihasilkan demi memastikan kejayaan dalam usaha kita memajukan wanita di negara kita ini.

15. Dengan melihat aturcara Pameran ini, selain daripada pameran bergambar dan acara-acara pameran yang lainnya, pihak penganjur juga telah mengatur acara-cara sampingan yang boleh menghidup dan memeriahkan suasana riang atau suasana temasya di sepanjang tempuh Pameran ini diadakan. Acara-acara sampingan ini janganlah dianggap semata-mata sebagai hiburan selingan sahaja tetapi ianya mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan tema Pameran ini. Sebagai misalan, pertunjukan pakaian yang dipentaskan sepatutnya dianggap bukan daripada aspek pertunjukan fesyen semata-mata tetapi lebih kepada memperlihatkan penglibatan sepenuhnya oleh wanita daripada segi usaha, tenaga dan bakat dalam keseluruhan proses yang berkaitan dengan pemakaian, iaitu daripada proses

pengeluaran tekstilnya hinggalah kepada rekaan fesyen dan pemasaran pakaian tersebut.

16. Syabas saya ucapkan dan mudah-mudahan usaha gigih yang puan-puan lakukan ini akan meninggalkan kesan yang baik sepanjang masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah atas usaha yang diambil oleh Pergerakan Wanita UMNO Malaysia mengadakan pameran ini. Saya percaya usaha yang puan-puan lakukan ini akan mendapat sambutan dan sokongan baik daripada wanita khususnya dan masyarakat amnya. Sama-samalah kita mendoakan agar susulan daripada pameran ini akan menambahkan lagi, bukan sahaja kesedaran masyarakat tentang pentingnya peranan wanita dalam pembangunan negara tetapi juga akan dapat menambahkan lagi bilangan wanita yang mahu melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan. Sama-samalah kita mendoakan supaya melalui Pameran ini akan timbul kesedaran di kalangan wanita bagi mempertingkatkan lagi penglibatan mereka supaya matlamat untuk membina masyarakat yang progresif, teguh, bersatupadu dan berharmoni tercapai.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pameran 'Wanita Teras Pembangunan Negara' ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik , walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*